

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Tuesday, 6 June, 2017 2:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RAMADAN DATANG LAGI, ARY PULANG KE INDONESIA DIBALUT MEMORI




06 JUN 2017 / 11 RAMADAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

RAMADAN DATANG LAGI, ARY PULANG KE INDONESIA DIBALUT MEMORI



ANJUNG TAMU ONLINE: Tempoh menjalani latihan praktikum yang singkat membuatkan Ary Virgiansyah Hidayat pelajar dari Universiti Komputer (UNIKOM), Bandung Indonesia melahirkan perasaan yang bercampur aduk antara suka dan duka apabila melangkah untuk pulang ke seberang baru-baru ini.

Kedatangannya ke Malaysia atas kerjasama antarabangsa UUM-UNIKOM melalui Pejabat Dekan Pusat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM CAS serta Pusat Hal Ehwal Kerjasama dan Antarabangsa (CIAC). Beliau yang mengikuti bidang Pengurusan Perniagaan di UNIKOM telah terpilih untuk menjalani praktikum di UUM Welcome Centre selama 18 hari sahaja.

Ramadan disambut olehnya di bumi Sintok yang bertuah ini. Tempoh praktikum yang pendek tidak menghalang untuk membuktikan hasil kerjanya yang sangat efektif dan

efisien. Tinggi pula budi pekertinya. Sebelum Ary pulang ke kampung halamannya, catatan berikut ditinggalkan,

“Pertamanya saya fikir praktikum di Anjung Tamu-Welcome Centre hanya akan diajar untuk menjadi *customer service* officer sahaja, tapi ternyata di sini saya diajarkan untuk melakukan *multitasking*. Saya diajar bagaimana cara mengambil gambar yang bagus sebagai jurufoto, menulis berita lawatan sekolah, menyusun dokumen, menyambut tetamu, menjadi *tourist guide* bahkan mempelajari mengenai kampus lestari.”

“Selain itu, saya sangat menyukai suasana di sini, kerana alam semula jadi yang masih cantik sesuai dengan *tagline* UUM, iaitu Universiti di Rimba Hijau. Dan juga di sini para kakitangannya baik, mereka mahu mengajar saya pelbagai pekerjaan yang biasa mereka kerjakan, sehingga saya boleh mengerjakan pekerjaan tersebut walaupun pekerjaan saya masih belum sebegini mereka.”

“Dan saya rasa, saya sangat beruntung kerana dapat melakukan magang di sini, kerana di sini hampir setiap hari saya bertemu dengan banyak tamu, baik domestik mahupun antarabangsa, sehingga saya mampu sedikit mengetahui karakter orang dari tiap negara.”

“Dan yang terakhir ada satu kalimat yang saya selalu ingat sampai saat ini, iaitu bahawa kita harus selalu tersenyum, walaupun kita sedang mempunyai masalah. Senyum adalah sedekah dan pembawa rezeki.”

“Jujur saya adalah tipikal orang yang susah tersenyum kepada orang lain yang tidak saya kenal. Tapi setelah saya magang di sini, Alhamdulillah, saya sudah mula boleh tersenyum kepada orang ramai.”

“Terima kasih UUM dan Anjung Tetamu-Welcome Centre atas pengalaman yang sangat berharga ini. Semoga UUM dan Anjung Tamu-Welcome Centre lebih berjaya lagi!”

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.